

03/10/2003

1,031 gambar eksklusif Dr M dipamer Isnin

KUALA LUMPUR: Rakaman gambar `candid' dan eksklusif Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri adalah antara tarikan utama pameran `Seribu Wajah Dr Mahathir: Penghargaan Untuk Seorang Negarawan' di Balai Seni Lukis Negara mulai 6 Oktober hingga 6 Disember ini.

Pameran itu bakal menunjukkan gambar berkualiti dan artistik yang dirakam jurugambar profesional media tempatan.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata 70 peratus daripada 1,031 gambar belum disiarkan oleh mana-mana media dan hanya berada dalam simpanan media terbabit.

"Pilihan gambar ini ialah daripada 80,000 yang disediakan oleh media dan selepas diproses 10,000 dikumpul untuk dipilih oleh panel.

"Panel memilih 1,031 gambar Dr Mahathir untuk pameran gambar terbesar dalam sejarah itu dan ia diiktiraf sebagai pameran bertaraf antarabangsa. Ini kerana rekod setakat ini menunjukkan pameran gambar terbesar pernah diadakan di negara ini membabitkan 250 gambar saja," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat dan melawat persediaan pameran, petang semalam. Pameran akan dirasmikan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail Isnin ini.

Khalil berkata, selepas dua bulan dipamerkan, gambar akan dipamer di peringkat zon, seterusnya di peringkat negeri.

"Pameran ini adalah sumbangan media tempatan, iaitu semua media cetak dan stesen televisyen untuk menghargai jasa Dr Mahathir. Ia dibuka kepada orang ramai mulai 7 Oktober antara jam 10 pagi hingga 6 petang setiap hari dan masuk adalah percuma," katanya.